


**DRAF NARATIF
PEMBANGUNAN INDUSTRI SUKAN DI MALAYSIA**

LATAR BELAKANG

1. Sukan sebagai suatu industri di Malaysia diklasifikasikan sebagai sektor baru yang semakin berkembang sejak 20 tahun yang lalu. KBS sebagai organisasi yang bertanggungjawab terhadap pembangunan sukan negara berusaha untuk meletakkan sukan sebagai industri yang berperanan dalam memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi di samping menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.
2. Perancangan pertumbuhan sektor industri yang relevan dalam bidang sukan adalah selari dengan bidang fokus 'Membangunkan Ekosistem Industri Sukan Yang Kondusif Dan Berdaya Maju' di bawah Teras 2: Kualiti Kesejahteraan Hidup, Pelan Strategik KBS 2019-2020.
3. Secara kasar, industri sukan di Malaysia dianggarkan menyumbang sekitar RM94 bilion (6.9%) kepada KDNK negara pada tahun 2017 dan meningkat kepada lebih RM100 bilion (7.0%) pada tahun 2018. Peratusan ini dijangka terus meningkat dengan kepesatan aktiviti ekonomi dirangsang oleh pembangunan dan promosi aktiviti berteraskan sukan di Malaysia.



SULIT

4. Pertumbuhan perdagangan barangan sukan menunjukkan potensi yang positif industri sukan di Malaysia untuk mencapai pertumbuhan pasaran yang lebih tinggi pada masa akan datang. Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan pada tahun 2018, terdapat peningkatan import barangan sukan sebanyak 25%, manakala eksport meningkat 6% berbanding tahun 2016. Data seperti jadual di bawah:

Nilai Import dan Eksport Barangan Sukan (RM Juta)

Tahun	2016	2017	2018
Import	733.4	795.5	916.9
Eksport	720.3	800.5	765.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KERANGKA DAN INISIATIF SEDIA ADA

Ekosistem Industri Sukan

5. Pada Industri sukan tidak hanya tertumpu pada bidang sukan semata-mata. KBS berperanan dalam memastikan ekosistem industri sukan berfungsi dengan lancar secara optima. Setiap perkara dalam ekosistem industri sukan adalah saling berhubung kait dan mempunyai hubungan yang saling memerlukan bagi melengkapi ekosistem industri sukan dalam kitaran industri sukan negara seperti berikut:
- (a) Kewangan/ cukai / penajaan;
 - (b) Peluang perniagaan;
 - (c) Sumber manusia;
 - (d) Program/aktiviti sukan;
 - (e) Pertubuhan sukan/atlet; dan
 - (f) Kerajaan/ agensi sukan.

SULIT

Struktur Pelaksanaan

6. Pelaksanaan dan pemantauan program/aktiviti berkaitan sukan KSP Pelan Strategik KBS 2019-2020 oleh Jawatankuasa Induk Industri Sukan dan *Technical Working Group* (TWG). TWG tersebut adalah mengikut kategori tertentu seperti Akaun Satelit Sukan, Media, Penajaan Sukan, Kolaborasi Strategik, Program/Aktiviti, Sumber Manusia, Pembangunan Organisasi dan Data & Statistik.

Struktur Pelaksanaan

PENGERUSI : TKSU (S)

AHLI:

- i. KP JBSN
- ii. KP MSN
- iii. KP ISN
- iv. KP BPKB
- v. SUB (PN)
- vi. SUB (PM)
- vii. SUB (Kew)
- viii. SUB (SM)
- ix. KPE PSM
- x. KPE IYRES
- xi. KKK
- xii. IYC
- xiii. PJS
- xiv. DOSM

Urusetia:

Cawangan Industri Sukan
Bahagian Dasar dan Perancangan
Strategik


Terma Rujukan:

- i. Menetapkan hala tuju pembangunan industri sukan;
- ii. Mengenal pasti, merancang, dan memantau pelaksanaan pelan tindakan;
- iii. Mengenal pasti insentif bagi menggalakkan pembangunan Industri; dan
- iv. Mengenal pasti peluang kerjasama dan kolaborasi bersama pemegang taruh sukan.



Pengumpulan Data dan Statistik Sukan


7. Penyelarasan dan gerak kerja pengumpulan data telah dilaksanakan menerusi sesi *User Requirement (UR)* yang telah diadakan pada 13-19 Februari 2019 antara BDS, Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia (IYRES) dan agensi-agensinya di bawah KBS. Pihak Urusetia BDS akan mencadangkan untuk diadakan sesi *UR* kedua pada masa terdekat untuk meningkatkan kefahaman pengguna.



- Mantan Timbalan Menteri Belia dan Sukan dalam Mesyuarat Penyelarasan Data Industri pada 30 Oktober 2019 menekankan tentang kepentingan pengumpulan data untuk industri sukan yang sistematik dan teratur untuk kegunaan generasi yang akan datang. Selain data-data yang telah dikumpul dan dimasukkan ke dalam booklet industri sukan, terdapat juga data-data lain yang belum diambil kira seperti data daripada badan-badan sukan meliputi penganjuran, kos, aktiviti, penajaan dan sebagainya.
- Usaha pengumpulan data bagi mewujudkan akaun satelit pernah dilaksanakan sebelum ini. Walau bagaimanapun, isu data yang berselerak dan kepimpinan yang bertukar memberi kesan kepada momentum gerak kerja (task force) yang telah dirancang.

Kerangka Konsep

- Kerangka Industri Sukan melibatkan segmen produk, fasiliti, perkhidmatan, kejurulatihan, organisasi, perubatan, penganjuran, acara sukan dan pelancongan. Kerangka ini akan ditambah baik dari semasa ke semasa mengikut keperluan.



11. Pelaksanaan Pelan Tindakan Industri Sukan akan mengikut jangka masa pendek, sederhana dan panjang seperti berikut.

a) Aktiviti dan Sasaran Jangka Masa Pendek

- i. Penubuhan Jawatankuasa Induk Industri Sukan dan TWG yang berkaitan serta Jawatankuasa Data dan Statistik Sukan;
- ii. Pelaksanaan program kesedaran menerusi kolaborasi media, seminar, persidangan dan kenyataan media;
- iii. Kolaborasi penganjuran program/aktiviti sukan bersama pihak swasta, persatuan sukan dan agensi;
- iv. Pembangunan kapasti daripada aspek sumber manusia, kemahiran dan organisasi sukan; dan
- v. Penyelarasan data sukan secara bersistematik dan berkesan menerusi intergrasi sistem Big data, SPSB , YData dan Open data.

SULIT

b) Aktiviti dan Sasaran Jangka Masa Pertengahan

- i. Menyasarkan kepada penyediaan Pelan Strategik Industri Sukan yang menyeluruh;
- ii. KBS berperanan sebagai pemudah cara;
- iii. Penyediaan platform interaktif bagi tujuan pengumpulan data sukan; dan
- iv. Membina keupayaan pertubuhan sukan yang mapan daripada segi kewangan dan lain-lain supaya penggiat sukan dapat melaksanakan inisiatif sendiri tanpa bergantung pada bantuan Kerajaan semata-mata.

c) Aktiviti dan Sasaran Jangka Masa Panjang

- i. Bagi menyediakan ekosistem industri sukan negara yang mampu penyumbang kepada KDNK negara, perancangan jangka panjang yang dirangka akan menjurus kepada mewujudkan Akaun Satelit Sukan;
- ii. Selain daripada itu, antara perkara yang dicadangkan bagi memacu pertumbuhan industri sukan dalam negara adalah dengan menggalakan persaingan dan inovasi menerusi Anugerah Industri Sukan (AIS) yang akan diperkenalkan sebagai platform kepada pemain industri untuk memperkenalkan kredibiliti masing-masing dalam peta industri sukan negara secara prestij; dan
- iii. Bagi melengkapkan strategi jangka masa panjang industri sukan, R&D produk dan perkhidmatan sukan perlu diadakan bagi menggalakkan pertumbuhan produk serta jenama sukan tempatan seiring dengan jenama antarabangsa.

SULIT

Akaun Satelit Sukan (ASS)

12. *EU Working Group on Sport and Economics (2006)* mendefinisikan Akaun Satelit Sukan (ASS) sebagai suatu rangka kerja statistik yang kukuh untuk mengukur kepentingan ekonomi industri tertentu, contohnya sektor sukan dalam ekonomi negara. Usaha mewujudkan ASS ini adalah untuk mencapai objektif yang digariskan seperti berikut:

- a) Pendekatan saintifik untuk mendapatkan peratusan sumbangan industri sukan kepada ekonomi negara bagi memperkenalkan industri sukan sebagai sektor baru sumber penjana pendapatan negara.
- b) Pemusatan dan pengumpulan data dan statistik terperinci mengenai industri sukan, disahkan dan di analisa mengikut kategori tertentu.
- c) Membantu dalam merangka dasar baharu dan polisi-polisi berkaitan industri sukan secara keseluruhan, serta menjawab sasaran pembudayaan sukan negara.
- d) Menjadi pusat rujukan maklumat dan data yang khusus mengenai industri sukan negara.
- e) Keperluan kaedah saintifik dan tersusun dalam membantu merangka polisi dan perancangan strategi berkaitan industri sukan.

13. Bagi tujuan pengiraan sumbangan industri sukan yang terkini kepada KDNK negara menerusi Akaun Satelit Sukan, pakar ekonomi telah menganjurkan supaya KBS mengambil kira pendekatan yang lebih meluas iaitu menggunakan *consumption-based approach* yang lebih menyeluruh dengan mengambilkira perkara-perkara berikut:

- i. Data variasi perbelanjaan pengguna terhadap penganjuran acara sukan;
- ii. Data penyertaan pengunjung ke acara-acara sukan;

SULIT

- iii. Data eksport Perkhidmatan yang secara langsung terlibat menerusi penyertaan daripada luar negara; dan
 - iv. *Spill over-effect* yang terhasil daripada penganjuran acara sukan seperti pertumbuhan perniagaan sampingan di lokasi.
14. Sumbangan jangka panjang industri sukan kepada negara perlu disokong oleh data dan statistik. Data berkaitan industri sukan di Malaysia masih dalam keadaan berterabur (*scattered*) dan belum dirangkumkan secara menyeluruh untuk memberi gambaran sebenar sumbangan industri sukan kepada KDNK. Data yang dimaksudkan terbahagi kepada dua komponen iaitu data perniagaan yang boleh diperolehi melalui statistik oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) seperti jenis/bidang perniagaan yang dikategorikan sebagai industri sukan, jenis barangan sukan, nilai import eksport dan sebagainya.
 15. KBS dengan kerjasama DOSM telah memulakan gerak kerja untuk mewujudkan Akaun Satelit Sukan (SSA) dengan mengenal pasti definisi dan Skop Sukan di bawah MSIC 2008 (Malaysia Standard Industrial Classification) yang bersesuaian agar ia dapat memberikan panduan yang jelas kepada semua pihak yang terlibat di dalam menyediakan data-data mentah dan membuat analisa data statistik yang diperolehi.
 16. Akaun Satelit Sukan ini merupakan satu pendekatan yang pertama di Asia Tenggara jika dilaksanakan malah tiada lagi sampel yang boleh dijadikan sebagai rujukan kajian dan pengiraan di rantau ini. Jika Malaysia berjaya melaksanakannya ia merupakan satu kaedah yang bersistematik untuk menilai dan mengenal pasti data-data yang berkaitan Industri Sukan bagi tujuan analisa melihat sumbangan kepada KDNK Negara.
 17. Manakala komponen kedua melibatkan data sukan yang tidak dapat diperolehi melalui MSIC seperti jumlah penajaan; peruntukan pembangunan sukan; penganjuran program dan acara; statistik atlet, pegawai teknikal dan kejurulatihan sukan; peluang pekerjaan; nilai media; penyelidikan dan

SULIT

pembangunan; fasiliti sukan dan lain-lain. KBS memainkan peranan utama dalam merangkumkan keseluruhan data dan maklumat ini.

Peluasan Pengecualian Cukai Individu

18. Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab dalam memastikan pembangunan sukan dijalankan sebagai sebuah usaha yang berterusan, pelbagai usaha dan galakkan sewajarnya diberikan kepada individu dan pihak korporat sebagai pemangkin dan pendorong kepada pembangunan industri sukan.
19. Sehubungan itu, dalam usaha memberi dorongan dan galakkan kepada individu untuk terlibat dalam penyertaan acara sukan, kerajaan mencadangkan supaya pelepasan cukai individu di bawah pelepasan gaya hidup untuk ditambah baik bagi mengurangkan bebanan kewangan individu yang bersukan dan selaras dengan trend semasa gaya hidup rakyat masa kini.
20. Cadangan untuk meningkatkan nilai pelepasan cukai taksiran bagi item budaya sukan ini dilihat sejajar dengan perubahan trend semasa dan menyokong peningkatan amalan bersukan masyarakat hari ini yang bukan sahaja meliputi pembelian peralatan sukan, tetapi juga kepada aktiviti utama ekosistem sukan di Malaysia seperti penyertaan acara sukan, pembelian ubat-ubat suplemen Sukan, pelaburan barangan sukan yang berkaitan dan lain-lain seperti berikut:
 - i. Perbelanjaan pembelian kasut sukan (individu, pasangan, anak tanggungan)
 - ii. Perbelanjaan pembelian peralatan sukan;
 - iii. Perbelanjaan penggunaan kemudahan sukan;
 - iv. Pembelian Jam pintar;
 - v. Pembayaran penyertaan acara sukan/yuran pertandingan;
 - vi. Tiket menonton acara sukan;

SULIT

- vii. Pembelian suplemen/ nutrisi -tertakluk kepada senarai suplemen yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan disahkan oleh Institut Sukan Negara (ISN).
21. Sehubungan itu, dalam usaha memberi dorongan dan galakkan kepada individu untuk terlibat dalam penyertaan acara sukan, kerajaan mencadangkan supaya pelepasan cukai individu di bawah pelepasan gaya hidup untuk ditambah baik bagi mengurangkan bebanan kewangan individu yang bersukan dan selaras dengan trend semasa gaya hidup rakyat masa kini.
 22. KBS telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan (MOF) mengenai peluasan skop pengecualian cukai individu di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi perkara yang berkaitan dengan gaya hidup seperti berikut:
 - (i) Pelepasan cukai berasingan dan khusus kepada perbelanjaan sukan bagi mengiktiraf gaya hidup bersukan dan dilaksanakan secara berasingan daripada item-item lain di bawah peruntukkan sedia ada;
 - (ii) Jumlah pelepasan cukai individu dengan jumlah terhad RM 1,000 setahun; dan
 - (iii) Pelaksanaan taksiran memberikan fokus kepada perbelanjaan individu dalam perbelanjaan budaya sukan termasuklah pembelian barangan sukan terpilih dan penyertaan dalam acara sukan seperti larian yang melibatkan kos/yuran penyertaan dan tidak terhad kepada pembelian peralatan sukan dan yuran penyertaan gim sahaja seperti yang dinikmati bagi taksiran cukai mulai tahun 2017.
 23. Inisiatif ini dilihat akan memberikan kesan positif kepada sektor berkaitan seperti sektor kesihatan, sosial, ekonomi, pertahanan dan pelajaran negara. Dengan ketersediaan prasarana kemudahan sukan dan pembangunan modal insan yang masih perlu diperhebat, inisiatif ini dijangka akan memberikan kesan yang baik dalam jangka masa panjang.

SULIT

ISU DAN CABARAN

Struktur Cawangan Industri Sukan

24. Cawangan Industri Sukan (CIS) sukar untuk menjalankan peranan sebagai penggerak kepada inisiatif-inisiatif yang telah dirancang memandangkan fungsi industri sukan hanya merupakan salah satu sub-bidang di bawah Bahagian Dasar & Perancangan Strategik. Bilangan pegawai yang tidak mencukupi dan sering bertukar amat memberi kesan kepada perjalanan fungsi CIS.
25. Beberapa program dan inisiatif yang telah dijalankan sebelum ini tidak diteruskan dan tiada kesinambungan akibat struktur pentadbiran yang tidak konsisten. Situasi ini menjejaskan hubungan strategik yang telah dijalankan bersama pihak berkepentingan dan pemain-pemain industri

Ekonomi Digital dan Data Industri

26. Industri sukan adalah suatu industri yang dinamik dan luas, dan dengan kemunculan ekonomi digital, yang dengan sendirinya mempunyai modal pasaran global sebanyak USD 11.9 trilion (Brookings 2019), industri sukan berpeluang untuk meningkatkan pertumbuhan syarikat dan perkhidmatan berteraskan sukan.
27. Akses kepada perkhidmatan pengumpulan data sukan, pemprosesan dan analisis masih lagi terhad. Halangan ini menjejaskan potensi ke arah meneroka pasaran baru, pembekal perkhidmatan dan data pelanggan dalam industri sukan. Jika industri sukan di Malaysia tidak berkembang untuk menampung *big data economy* pada masa hadapan, industri ini akan ketinggalan berbanding industri global yang lain.

Sports Tourism

28. Kebanyakan perniagaan sukan domestik di Malaysia tidak mengeksploitasi faedah yang diberikan untuk penganjuran acara sukan antarabangsa. Syarikat ini perlu memanfaatkan reputasi Malaysia sebagai hab acara sukan untuk menawarkan perkhidmatan seperti teknologi sukan, kesihatan dan *wellness*.

SULIT

CADANGAN 'WAY FORWARD' INDUSTRI SUKAN

Mewujudkan *Taskforce* Industri Sukan

29. KBS perlu bertindak sebagai “lead agency” bagi menggerakkan dan membangunkan ekosistem industri sukan di Malaysia. Sehubungan itu, satu *Taskforce* Industri Sukan perlu diwujudkan bagi menggerakkan dan merangka Pelan Tindakan Industri Sukan bagi tempoh 2020 hingga 2025. Cadangan keahlian adalah seperti berikut:

- a. Pengurusan Tertinggi KBS;
- b. Bahagian dan Agensi di bawah KBS;
- c. Kementerian Kewangan Malaysia;
- d. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (Motac)
- e. Unit Perancang Ekonomi JPM;
- f. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM);
- g. Malaysian Investment Development Authority (MIDA);
- h. Malaysia Digital Economy Corporation;
- i. Suruhanjaya Syarikat Malaysia; dan
- j. Wakil Industri.

30. *Taskforce* yang diwujudkan ini akan merancang dan memantau keseluruhan ekosistem industri sukan. Ekosistem yang dimaksudkan merangkumi sokongan dasar dan perundangan, penentuan skop industri, perancangan pelaksanaan jangka masa singkat, sederhana dan panjang, *one-stop centre* untuk rujukan data dan hala tuju pembangunan industri sukan secara amnya.

SULIT

Membangunkan Industri Sukan di Malaysia

31. Industri sukan memerlukan dasar yang jelas bagi mewujudkan peluang perniagaan dalam sukan serta mempromosikan kerjasama awam-swasta dan kerjasama dari dalam dan luar negara. Dasar yang bersepadu adalah penting bagi memastikan kesinambungan dalam spektrum pembangunan dan pengembangan industri sukan yang menjadi panduan utama kepada semua entiti perniagaan atau aktiviti komersial.
32. Sokongan dan insentif kepada syarikat '*start-up*' berasaskan sukan juga amat penting untuk menggalakkan penyertaan pemain baru ke dalam industri. Inisiatif bantuan pelaburan, dokumentasi dan bantuan pengawalseliaan, insentif cukai, bantuan teknikal, dan nasihat umum boleh disediakan kepada syarikat '*start-up*' berasaskan sukan. Inkubator khusus yang spesifik perlu dibuat bagi membantu pengembangan, pengkomersilan, atau kerjasama tambah nilai kepada syarikat-syarikat ini.

Memfaatkan '*Sports Tourism*'

33. Kerajaan perlu terus mempromosikan Malaysia sebagai destinasi sukan *premier* serantau dan juga perlu menambah dan menetapkan suntikan modal yang strategik untuk membangunkan infrastruktur sukan, baik dari segi fizikal dan ekosistem perniagaan bagi memastikan ianya terus relevan dan bersedia dalam menganjurkan acara atau aktiviti sukan.
34. Lebih banyak inisiatif perlu dijalankan untuk mempromosikan syarikat tempatan yang berpotensi tinggi ke pasaran serantau dan antarabangsa selain mengenal pasti kaedah yang tepat dan peluang pasaran yang sesuai untuk syarikat berasaskan sukan menembusi pasaran antarabangsa. Bantuan dalam aspek pematuhan peraturan di peringkat serantau juga perlu diberikan.

SULIT

Transformasi Sukan Varsity

35. Dalam usaha untuk membangunkan model perniagaan dan persaingan baru bagi Sukan Varsity Malaysia, kerajaan perlu mengintegrasikan setiap pelajar-atlet kepada aset bernilai untuk dikembangkan dan dimanfaatkan. Langkah ini boleh dihasilkan dengan mewujudkan pangkalan data yang komprehensif yang mengandungi data prestasi atlet pelajar untuk memudahkan penilaian sistematik dan pembelian atlet di peringkat kelab dan sehingga tahap profesional. Model pencarian bakat khusus untuk Sukan Varsity Malaysia yang mampan perlu dirangka bagi memberi keuntungan kepada pihak yang berkepentingan.
36. Berdasarkan keadaan semasa, kerajaan juga harus mewujudkan laluan untuk pelajar-atlet untuk terus bersaing di peringkat tertinggi, dan menjadikan sukan sebagai kerjaya dan lebih banyak pekerjaan berkaitan sukan untuk menyokong ekosistem sukan Varsity.

SULIT

KESIMPULAN

37. Usaha mengembangkan pembangunan industri sukan negara sememangnya melibatkan skop yang lebih luas meliputi pewujudan peluang pekerjaan, insentif kewangan dan galakan kepada pemain industri, pembangunan modal insan dan kemahiran, pembangunan serta kemajuan kerjaya para atlet, penglibatan sektor swasta, NGO dan badan-badan sukan serta peluang-peluang perniagaan.
38. Kerjasama multi-sektoral daripada pelbagai pihak amat penting bagi mencapai objektif dan matlamat untuk memperkasakan industri sukan di negara kita yang terdiri daripada pelbagai bidang dan sektor yang saling berkaitan dan bersifat melengkapi, secara tidak langsung juga dapat memberi sumbangan yang signifikan terhadap prestasi ekonomi negara.
39. Dengan adanya laporan data berkala yang sistematik dan menyeluruh seperti Akaun Satelit Sukan, ia diharap dapat menjadi panduan dan pengukuran kepada semua pihak berkepentingan dalam merencanakan dan melonjakkan industri sukan di Malaysia.
40. Usaha yang komprehensif dalam mengkomersialkan produk dan perkhidmatan, menjadikan bidang sukan sebagai satu kerjaya, mewujudkan peluang pekerjaan, memperkasakan bidang sukan bagi tujuan menjana pendapatan dan memberi pulangan kepada pelaburan dalam bidang ini akan dapat mengubah pendekatan sukan tidak akan hanya bergantung kepada bantuan dan sokongan Kerajaan semata-mata.


Disediakan oleh

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

22 April 2020


STRUCTURE OF SPORT INDUSTRY



Source: Gratton and Taylor (2000)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)